



UNIVERSITI
DARUL IRAM
PAKALAYA SITA

UNISZA
UZA




EDISI 1/2020

e-Buletin[®] **alumni** UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



UniSZA DI PERSADA 40 TAHUN



KATA-KATA ALUAN



YBHG. PROFESOR DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN

Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahhiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah saya ucapan kepada Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA) di atas usaha murni ACe UniSZA menerbitkan buletin yang dinamakan sebagai **e-buletin Alumni UniSZA**. Harapan saya e-buletin ini akan menjadi medium berkesan untuk meningkatkan interaksi antara UniSZA dan Alumni.


Pada tahun 1980, bermula sebagai sebuah sekolah menengah agama di bawah kerajaan Terengganu dengan pengambilan 34 orang pelajar sulungnya, KUSZA telah berkembang dengan pesatnya. Pada tahun 1983, KUSZA mula menawarkan kursus peringkat diploma dan seterusnya Diploma Lanjutan dalam pelbagai disiplin ilmu. Sejarah membuktikan KUSZA telah berjaya meletakkan dirinya sebagai pencetus kepada penubuhan kolej-kolej pengajian Islam di negeri-negeri lain di Malaysia. Kehebatan KUSZA ini telah mendapat pengiktirafan kerajaan persekutuan dan dinaikan taraf sebagai universiti awam yang ke 18 pada 26 Mac 2005. Alhamdulillah, UniSZA dengan penuh iltizam terus berusaha dan berjuang untuk memperkasakan lagi DNA UniSZA yang diwarisi daripada KUSZA dalam segenap aspek.

Alhamdulillah, pada tahun 2020, UniSZA merayakan Sambutan 40 Tahun UniSZA. Sempena tahun yang bersejarah ini, besarlah harapan saya agar alumni terus meningkatkan sumbangan dalam membangunkan UniSZA menjadi sebuah universiti awam yang disegani dalam dan luar negara. UniSZA membuka ruang seluasnya untuk alumni menyumbang melalui Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA). Alumni sebagai duta-duta UniSZA yang berpengaruh, sewajarnya berganding bahu dengan kami untuk menjadikan UniSZA sebagai universiti pilihan dalam semua peringkat pengajian.

Akhirnya marilah sama-sama kita mendoakan agar UniSZA , alma mater tercinta anda terus cemerlang, gemilang dan terbilang dalam industri pendidikan tinggi di Malaysia sehingga ke peringkat antarabangsa.

Terima Kasih. Wassalam

Profesor Dato' Dr. Hassan Basri bin Awang Mat Dahan
Naib Canselor



**YBHG. PROFESOR DR. MOHD AFANDI
BIN SALLEH**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Universiti Sultan Zainal Abidin.



Alhamdulillah, kesyukuran yang tidak terhingga dituluskan ke hadrat Allah Taala di atas segala nikmat anugerahNYA kepada kita semua. Salawat dan Salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. yang membawa risalah ‘rahmatan lil alamin’.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA) yang telah berjaya menerbitkan e-buletin berkala iaitu **e-buletin Alumni UniSZA** edisi pertama dengan jayanya.

Pusat Alumni UniSZA telah melalui proses kematangan, bermula dari sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj), kemudian menjadi salah satu unit/seksyen dalam beberapa PTj. Menyedari peri mustahak fokus diberikan kepada interaksi berkesan antara UniSZA dengan Alumni, bermula 20 Julai 2020 Alumni telah dijadikan satu PTj dengan nama Pusat Alumni UniSZA (ACe UniSZA).

Alumni UniSZA (dulunya KUSZA dan UDM) merupakan antara pemegang taruh yang amat signifikan dalam membangunkan UniSZA secara holistik. Semenjak 1980, UniSZA telah berjaya melahirkan lebih daripada 40,000 orang alumni yang pastinya sekarang ini berada di posisi yang membanggakan dari segi kerjaya, perniagaan, keterlibatan dalam masyarakat, badan bukan kerajaan dan lain-lain sektor. Kepelbagaiprofil ini pastinya dapat membantu UniSZA dan warganya dalam mencapai amanah visinya “ Universiti Islam Integrasi Kontemporari”. #TimeToGiveBack, Kami membuka ruang seluas-luasnya kepada semua alumni untuk menyumbang kepada alma mater anda ini.

Dalam kesempatan ini, suka saya memaklumkan bahawa UniSZA telah bersetuju untuk mengisytiharkan 26 September setiap tahun sebagai Hari Alumni UniSZA. Tarikh keramat ini dipilih mengambil sempena terlaksananya Majlis Idul Ilmi Pertama KUSZA pada tahun 1985 yang disempurnakan oleh Al-Marhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah ibni al-Marhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah. Dengan adanya Hari Alumni UniSZA ini, saya yakin semakin banyak aktiviti dapat dianjurkan sempena Sambutan Hari Alumni setiap tahun di samping program-program yang dianjurkan sepanjang tahun.

Akhirnya, saya mengharapkan e-buletin Alumni UniSZA akan menjadi wahana yang ampuh untuk meningkatkan lagi interaksi UniSZA dan Alumni.


Sekian, Terima Kasih.

Profesor Dr. Mohd Afandi bin Salleh
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



YBHG. PROFESOR DR. WAN NORHAYATE BINTI WAN DAUD

Pengarah Pusat Alumni
Universiti Sultan Zainal Abidin



Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izinNya, e-buletin Alumni UniSZA edisi pertama 2020 berjaya diterbitkan. Mulai 2021 nanti, e-buletin Alumni UniSZA akan diterbitkan secara berkala sebanyak empat kali setahun iaitu pada April, Jun, September dan Disember. Saya juga ingin mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada staf di Pusat Alumni kerana merealisasikan penerbitan ini. Syabas saya ucapan.


UniSZA melalui detik - detik awal penubuhannya dari *humble KUSZA to greater UniSZA* mara langkah demi langkah dalam fasa penjenamaan kepada UniSZA ke hari ini. Dalam tempoh dan jangka masa yang penuh liku dan cabaran, Alhamdulillah, bilangan alumni kita semakin bertambah dari tahun ke tahun.

Penerbitan e-buletin ini, ia bukan sekadar mengeratkan silaturahim di antara warga Alumni dan UniSZA malah ia dapat mengembalikan kenangan dan nostalgia kepada para alumni. Bagi menggalakkan alumni untuk kembali ke alma mater, *sense of belonging* yang tinggi terhadap UniSZA adalah perlu agar tidak terus meninggalkan alma mater mereka, sebaliknya kembali memberikan khidmat dan sumbangan melalui pelbagai cara.

Akhir kata, dikesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh warga Alumni yang terlibat dalam penyiapan e-buletin edisi pertama. Selamat membaca dan semoga kita berjumpa lagi di e-buletin Alumni UniSZA edisi akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

Profesor Dr. Wan Norhayate binti Wan Daud
Pengarah Pusat Alumni



SEJARAH PENUBUHAN KUSZA/UDM/UniSZA



1980

Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) ditubuhkan dan beroperasi di Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin yang terletak di Batu Buruk, Kuala Terengganu.



1985

Perletakan batu asas kampus tetap KUSZA di Gong Badak oleh Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.



2005

Pengumuman penubuhan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 26 Mac 2005.



2006

Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) mula beroperasi pada 1 Januari 2006.



2010

UDM ditukar nama kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 13 Mei 2010.

KUSZA & UniSZA

Terengganu terkenal dengan tradisi keilmuan dan sehingga sekali ini ia terus bersemarak dengan peranan yang dimainkan oleh para ulama dan umara' yang bekerjasama memperkembangkan sektor pendidikan. Banyak sekolah dan institusi telah ditubuhkan termasuk sebuah institusi pendidikan tinggi agama yang dikenali sebagai Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA).


Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu bertarikh 21 Januari 1976 telah meluluskan satu jawatankuasa yang berperanan menyemak semula dasar dan sistem pelajaran sekolah-sekolah menengah agama Terengganu serta mengadakan dasar dan sistem pelajaran pusat pengajian tinggi Islam di Terengganu.

Setelah mengadakan perbincangan sebanyak lima kali, akhirnya 15 syor telah dikemukakan dan antara ketetapan syor tersebut ialah "Jawatankuasa bersetuju mencadangkan penubuhan institusi pengajaran Islam dengan nama Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA)". Rentetan daripada syor ini, pada 1 Januari 1980, KUSZA telah ditubuhkan dan dikuatkuasakan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang pertama di negeri Terengganu menerusi Enakmen Bil.3 tahun 1981.

KUSZA telah memulakan operasi pendidikannya pada tahun 1980 menerusi pengambilan pelajar pertama yang melibatkan seramai 34 orang pelajar tingkatan empat aliran agama. Operasi pertama ini bertapak di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Burok. Pada tahun 1981, operasi KUSZA berpindah ke Bangunan Hajah Wook, Pulau Kambing. Seterusnya, pada 17 Mac 1981, upacara perletakan batu asas KUSZA Kampus Gong Badak di kawasan seluas 350 ekar (144 hektar). Di samping itu, KUSZA mula menawarkan program diperingkat diploma dengan pengambilan pertama seramai 26 orang pelajar pada tahun 1982. Akhirnya, pada bulan Januari 1983, KUSZA telah berpindah ke kampus Gong Badak, kira-kira 20 km dari Bandar Kuala Terengganu.

Umum mengetahui bermulanya UniSZA dari sebuah institusi pengajian tinggi agama yang dikenali sebagai Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Sejak penubuhannya pada tahun 1980, KUSZA terus berkembang maju sehingga menjadi institusi pengajian tinggi agama yang tersohor di rantau ini. Kewujudan KUSZA adalah selari dengan falsafahnya iaitu "Pendidikan di KUSZA merupakan satu usaha bersepadu untuk membentuk generasi muslim yang bertaqwa melalui ilmu, iman, amal dan akhlak". KUSZA terus menongkah arus dalam lautan pendidikan sehingga ia dinaiktaraf menjadi universiti penuh pada tahun 2006. Setelah melalui pelbagai evolusi, KUSZA kini dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Dengan pengisytiharaan ini, bermulalah lebaran baru bagi institusi pendidikan Islam ini sebagai universiti awam Malaysia yang ke-18 dengan nama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 13 Mei 2010.

Pada tahun 2020, genaplah usia 40 tahun KUSZA-UniSZA. Moga UniSZA terus berkembang maju dalam memartabatkan keilmuan demi kebaikan sejagat selaras dengan motonya 'Ilmu Demi Faedah Insan'. Penjenamaan semula nama sekolah kepada fakulti dan pertambahan fakulti dari semasa ke semasa bermula dengan enam buah sekolah kepada sebelas fakulti menyemarakkan lagi intitusi pendidikan di UniSZA. Terkini Hospital Pengajar UniSZA bakal diwujudkan. Bangunan Hospital Pengajar UniSZA mula dibangunkan pada Jun 2016 bakal menampung keperluan 400 katil dengan kos RM345 juta dan menjadi penyokong kepada perkembangan sebuah universiti bagi tujuan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan perubatan yang dinamik. Hospital ini beroperasi sepenuhnya pada tahun 2021.



SEJARAH RINGKAS PUSAT ALUMNI





Warga **ACe UniSZA**


PENGARAH
Prof. Dr. Wan Norhayate binti Wan Daud

TIMB. PENGARAH
Tuan Syed Mohd Azmi bin Syed Ab. Rahman


PENOLONG PENDAFTAR KANAN
Puan Zauriah binti Embong

PEMBANTU TADBIR (PTPO)
Encik Muhammad Nasarudin bin Ramli

PEMBANTU OPERASI
YM. Tun Mohamad bin Tun Salim



Fungsi ACe UniSZA





Ahli Lembaga Pengarah Universiti

WAKIL ALUMNI (2020-2023)

DR. AZMI BIN OMAR
(ALUMNI TAHUN 1986)



PENDIDIKAN

- Temple University, Philadelphia, USA
 - Ph.D, Islamic Education & Thought
 - M.A., Comparative Religion
 - B.A., Religion
- Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin
 - Diploma Pengajian Islam (Bahasa & Sastera Arab) 1986

PENGLIBATAN SEMASA


- Pengarah Eksekutif di Institut Rujukan dan Kefahaman Masyarakat Sdn. Bhd. (IRKM)

PENGLIBATAN KORPORAT

- Ahli Lembaga Pengarah di UniSZA bermula tahun 2020
- Ahli Lembaga Pengarah di Eastern Pacific Industrial Corporation (EPIC) Berhad pada tahun 2004-2008
- Pemilik Albarakah Gold Commodities Sdn. Bhd.
- Pengarah/pemegang saham Bina Alam Sdn. Bhd. pada tahun 2005 sehingga kini

PENGALAMAN KERJA

- Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif di Terengganu Development Institute (TDI) pada tahun 2004-2008
- Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar di KUSZA pada tahun 1993-1995
- Timbalan Pengarah Akademik & Penyelidikan di KUSZA pada tahun 1995-1999
- Pensyarah di KUSZA pada tahun 1986-1999



Presiden Persatuan Alumni

**TUAN HJ. MOHAMMAD SAHAR
BIN MAT DIN**
(ALUMNI TAHUN 1991)



PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Pentaadbiran Perniagaan di Universiti Honolulu
- Diploma Pengajian Islam (Dakwah) di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (Alumni KUSZA tahun 1991)

PENGLIBATAN DALAM BADAN KERAJAAN

- Ahli Lembaga Pengarah UniSZA (2013-2016)
- Ahli Lembaga Pengarah UniMAS
- Ahli Majlis Perundingan Islam (JAKIM)
- Profesor Adjung Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Perniagaan Perbadanan Putrajaya


PENGLIBATAN DALAM BADAN-BADAN NGO

- Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia
- Presiden Persatuan Pemaju Hartanah Bumiputera Selangor (PPHBS)
- Presiden Persatuan Alumni UniSZA
- Ahli Majlis Dakwah Negara
- Pengurus Dewan Perdagangan Islam Malaysia WP Putrajaya
- Yang Dipertua PIBG SK Presint 14(1) Putrajaya
- Ahli Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya

3 Oktober
Perbincangan Aktiviti
Alumni Bersama
Wakil LPU &
Presiden Persatuan
Alumni



29-30 September
Mesyuarat MAJLIS
Pusat Alumni Universiti Awam
Kali Pertama



25 September
**Meet & Greet
Alumni @JAKIM**




21 September
**Konvensyen Usahawan
Alumni Bersama Industri**





15 September
Program Bubur Asyura Alumni





Slot Pesan Alumni
SEMPENA KEMASUKAN MAHASISWA BAHARU (IJAZAH)
SESI 2020/2021

2 November 2020 | 10.00 pagi
Facebook LIVE

DR. AZMI BIN OMAR
Ahli Lembaga Pengarah UniSZA

alumni UniSZA UniSZA DI PERSEDA 40 TAHUN



Pesan Alumni
2 November 2020

Inspirational Talk
Bersama Ikon Alumni

MENGANTARABANGSAKAN KEPIMPINAN MUDA :
CABARAN DAN PELUANG

- 22 November 2020(Ahad)
- 10.00 pagi

Facebook LIVE

HANIF BIN ABDULLAH
ALUMNI FBK TESL - 2007

Perunding Pembangunan Antarabangsa - DAI Global LLC,
USA& Mantan Felo YSEALI, US State Department

#aluminiunijsza#bangdan#kejayaanngsemua

alumni UniSZA UniSZA DI PERSEDA 40 TAHUN



Inspirational Talk
22 November 2020

CERAMAH
PENINGKATAN PROFESIONALISME STAF

TAJUK: 'PEKERJA HEBAT, GAJI BERKAT'

- 1 DISEMBER 2020 (SELASA)
- 10.00 pagi


Facebook LIVE

YBHG. USTAZ ZUL RAMLI BIN MOHAMED RAZALI
Perunding Motivasi dan Ilmuan

alumni UniSZA UniSZA DI PERSEDA 40 TAHUN



Ceramah Peningkatan Profesionalisme Staf
1 Disember 2020



1981-1999



Persekolahan
(SPM/STPM)

779



Sijil Intensif
Bahasa

1819

Sekolah Menengah Agama Atas
Sultan Zainal Abidin
(Peringkat Pensijilan)



Sijil Pengajian
Islam

126



Sijil Teknologi
Maklumat

586

1985-2007

Peringkat Diploma



Sekolah
Pengajian Islam

4884



Sekolah Pengajian
Pengurusan

3431



Sekolah
Pengajian Umum

245



Pusat Teknologi
Maklumat

922



Sekolah
Kejuruteraan

802



Pusat Bahasa

122



Sekolah Pengajian
Pendidikan

910




Pusat Pengajian
Luar

297



Sekolah Sains
Kejururawatan

247



2009-2019

Peringkat Diploma, Ijazah & Siswazah

Pusat Pengajian
Siswazah

6 9 8

Fakulti Pengajian
Kontemporari Islam

8 9 0 3

Fakulti Perniagaan
& Pengurusan


5 8 2 5

Fakulti Bahasa &
Komunikasi


1 8 1 9

Fakulti Sains
Sosial Gunaan

9 9 5

Fakulti Sains
Kesihatan

7 5 0

Fakulti
Perubatan


8 6 0

Fakulti
Biosumber &
Industri Makanan


9 3 1

Fakulti
Informatik &
Komputeran

1 5 6 4

Fakulti Reka
Bentuk Inovatif
& Teknologi

1 0 3 8

Fakulti
Undang-Undang
& Hubungan
Antarabangsa

1 1 4 1



AlumniUniSZA

Penyumbang berita:

Warga Pusat Alumni UniSZA
Warga Pusat Kerjaya, Teknousahawan & Jaringan Pintar
Unit Arkib, Galeri & Koleksi Khas,
Perpustakaan Al-Wathiqu Billah
Bahagian Media Kreatif,
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian